



UPACARA PENYAMPAIAN
ANUGERAH
TUN ABDUL RAZAK

PRESENTATION CEREMONY OF
TUN ABDUL RAZAK AWARD

11 MAC 1989

NIRWANA BALLROOM
HOTEL HILTON
KUALA LUMPUR

KANDUNGAN
CONTENTS

Perutusan Pengarah
Chairman's Message

Yayasan Tun Razak
Tun Razak Foundation

Tun Abdul Razak

Tun Abdul Razak

Anwar Ibrahim

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak

Prof. Dr. Abdul Razak



KANDUNGAN

CONTENTS

Perutusan Pengerusi Chairman's Message	2
Yayasan Tun Razak Tun Razak Foundation	4
Tun Abdul Razak	7
Tun Hajjah Rahah	10
Anugerah Tun Abdul Razak Tun Abdul Razak Award	12
Aturcara Upacara Penyampaian Anugerah Tun Abdul Razak Programme Presentation Ceremony of Tun Abdul Razak Award	16
Dato' Shahrumb. Yub	21
Profesor Umapati Prasad	27
Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak Board of Trustees Tun Razak Foundation	30
Jawatankuasa Penyampaian Anugerah Tun Abdul Razak Tun Abdul Razak Award Presentation Committee	32
Urusetia Secretariat	34
Penghargaan Acknowledgement	36



PERUTUSAN

Yayasan Tun Razak merasa bangga kerana dua orang tokoh telah sudi menerima Anugerahnya bagi tahun 1989, iaitu –

Dato' Shahrum bin Yub, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, dan
Profesor Umapati Prasad, Ketua Jabatan Telinga, Hidung dan Tekak, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

Segala jasa kedua-dua penerima Anugerah telah pun dirakamkan dalam Buku Cenderamata ini dan akan dihuraikan pula dalam ucapan penganugerahan bagi menghormati mereka.

Dato' Shahrum bin Yub adalah seorang yang luar biasa, walaupun beliau menghabiskan seluruh waktu kerjanya di dalam muzium. Beliau tidak sekali-kali ketinggalan zaman atau bersifat kuno seperti barang-barang yang dipamerkan di dalam muzium yang dikasihnya itu. Sebaliknya, beliau adalah seorang yang berjiwa moden, yang sentiasa membawa perubahan dan pembaharuan secara imaginatif; beliau menjayakan sesuatu pameran dengan penuh tenaga dan kemahiran di sisi pameran-pameran biasa yang tetap ada di Muzium Negara untuk menarik dan membangkitkan minat dan rasa kagum rakyat Malaysia serta pelawat-pelawat lain. Semangat keghairahannya memang mudah menjangkit, malah ia menjadi sumber ilham bagi kakitangannya sendiri. Bahkan kejayaan pameran-pameran khas yang begitu ketara telah membolehkan Shahrum, apakala perlu, menyakinkan pihak swasta supaya menganjurkan pameran-pameran itu dengan sokongan kewangan.

MESSAGE

The Tun Razak Foundation is honoured by the acceptance of its awards for 1989 by –

Dato' Shahrum bin Yub, Director General, Museums Department, and
Professor Umapati Prasad, Head of the Ear, Nose and Throat Department, Medical Faculty, University of Malaya.

The outstanding achievements of each Awardee are narrated in this Programme Book and in the Citations in their honour.

Dato' Shahrum bin Yub, despite spending his entire working life in a museum, is an unusual man. He is not antiquated and quaint like the objects displayed in his beloved museum. He is a modern man, very innovative and imaginative; he is full of drive and very skilful in mounting special exhibitions to supplement the permanent and semi-permanent exhibits in the National Museum to excite the interest and admiration of Malaysian and other visitors. His enthusiasm is infectious, inspired his staff and the obvious success of their special exhibitions enables Shahrum when necessary to persuade the private sector to sponsor and finance them.

Profesor Umapati Prasad, seorang pengkhusus penyakit Telinga, Hidung dan Tekak, menumpukan tenaga dan baktinya untuk menyelamatkan nyawa. Bahkan beliau telah menghabiskan sebahagian besar hayatnya, sebagaimana yang terbukti melalui penerbitannya yang begitu banyak, kepada bidang penyelidikan mengenai punca serta rawatan penyakit barah, yang malangnya, adalah penyakit yang telah meragut nyawa Allahyarham Tun Abdul Razak. Hasil pengkajian Profesor itu telah pun membawa manfaat kepada rakyat Malaysia serta juga orang lain yang telah mendapatkan rawatan awal. Usahanya dan juga usaharakan-rakannya telah pun mendapat perhatian dan pengakuan daripada Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, Sweden dan lain-lain negara dan telah memperoleh bagi Universiti Malaya beberapa pemberian wang untuk melanjutkan lagi pengkajian dalam bidang yang penting ini.

Semangat kesungguhan dan kebaktian yang terdapat pada diri kedua-dua Penerima Anugerah, dalam menunaikan perkhidmatannya kepada masyarakat, adalah sifat-sifat murni yang dibanggai dan dikagumi oleh Tun Abdul Razak semasa hayatnya.

Yayasan ini berbesar hati juga dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah serta anggota-anggota lain dari keluarga Allahyarham suaminya - beliaulah jua yang akan menyampaikan sendiri Anugerah Tun Abdul Razak serta menyerikan pula majlis upacara ini.

Akhirkata, bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu kami menjalankan tugas yang diamanahkan kepada kami oleh Parlimen dan negara bagi memperingati Perdana Menteri kita itu.


Secara khusus pula, kami ingin merakamkan di sini pengakuan dan penghargaan kami terhadap kemurahan hati Kerajaan Negeri Sabah. Beberapa minggu lalu, Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat, Datuk Joseph Pairin Kitingan, telah menyerahkan kepada Yayasan ini secara rasmi, perusahaan 2,500 ekar ladang koko di Tawau, yang telah dimulakan, dimajukan, serta ditadbirkan oleh pihak kerajaan tersebut dengan biaya \$10,000,000.

Professor Umapati Prasad, an ENT specialist, is dedicated to the saving of life, has devoted a large part of his life, as evidenced by his extensive publications, to research into the cause of and treatment for cancer, which, as it sadly happened, was the cause of Tun Razak's early death. The result of the Professor's research has benefited Malaysians and others who seek early treatment. His work and that of his colleagues has won international recognition from the United States, the Federal Republic of Germany, Sweden and other countries and has resulted in the University of Malaya obtaining grants to continue with this important research.

The devotion and dedication shown by each Awardee in serving the public would have won the approval and admiration of Tun Abdul Razak.

The Foundation is honoured too by the presence today of Tun Hajjah Rahah and other members of her late husband's family - she to personally present the Awards and lend grace to the occasion.

Finally, on behalf of the Board of Trustees of the Foundation I thank all those who have helped us to perform the task entrusted to us by Parliament and the country to commemorate the outstanding public service of our late Prime Minister. In particular we wish to acknowledge and thank publicly the generosity of the Sabah State Government whose Chief Minister the Hon'ble Datuk Joseph Pairin Kitingan a few weeks ago formally handed over to the Foundation the business of the 2,500 acre cocoa estate in Tawau started, developed and managed by them at a cost of \$10,000,000.



.....
(Tun Mohamed Suffian)

Pengerusi,
Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Tun Razak

Chairman,
Board of Trustees
Tun Razak Foundation

YAYASAN TUN RAZAK

Berita kematian Tun Abdul Razak pada 14 Januari 1976, telah memeranjatkan sahabat-handainya, rakan-rakan sejawat dan negara. Tiada sesiapa pun yang mengetahui bahawa Allahyarham telah mengidap penyakit yang tenat. Setelah keadaan tenteram kembali, orang ramai telah bersatu-padu secara spontan dan berusaha bagi mengenang jasa serta menghormati Allahyarham. Ramai di antara sahabat-handainya merasakan cara yang paling sesuai untuk mengenang jasa Allahyarham ialah dengan menubuhkan sebuah Yayasan yang dapat menyambung serta melanjutkan perjuangan Allahyarham semasa hayatnya.

Lima minggu selepas kematian Allahyarham, pada 20 Februari 1976, sebuah Yayasan telah dilancarkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah di satu upacara yang dianjurkan oleh akhbar 'The New Straits Times' dengan dihadiri oleh ramai rakan dan sahabat-handai Allahyarham. Tun Mohamed Suffian, Ketua Hakim Negara telah dilantik menjadi Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah.

Pihak-pihak lain telah juga mencadangkan pelancaran institusi-institusi yang serupa, maka untuk mengelakkan kekeliruan dan salah-faham, Kerajaan telah memutuskan dalam bulan Mac, penubuhan sebuah Yayasan kebangsaan untuk menyatukan Yayasan yang telah wujud dengan lain-lain badan seumpamanya, yang telah dicadangkan pada ketika itu. Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan telah mengkaji dengan teliti semua aspek Yayasan tersebut dan di Persidangan Dewan Rakyat dalam bulan Julai, satu Rang Undang-Undang mengenai Yayasan Tun Razak telah diluluskan dan kemudian diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong pada 28 Oktober 1976.

TUN RAZAK FOUNDATION

The announcement of Tun Abdul Razak's death on 14 January 1976, came as a shock to friends, colleagues and the nation alike. No one had known how seriously ill he had been. After the first shock was over, the people spontaneously sought to honour him. Many of his friends felt that the best memorial to him would be a foundation that would continue his life-work.

Five weeks after his death, on 20 February 1976, the Foundation was launched by Tengku Razaleigh Hamzah at a function initiated by The New Straits Times Press and attended by many of Tun's friends. The Lord President, Tun Mohamed Suffian, was appointed Chairman of the Board of Trustees.

Others also proposed launching similar institutions and in order to avoid confusion the Government decided, in March, to set up one national Foundation incorporating the already existing Foundation and all other proposed similar organizations. A Committee under the Minister of Finance studied in detail all aspects of the Foundation and in the July session of Parliament, a Bill setting up the Tun Razak Foundation was passed, which received the Royal Assent on 28 October 1976.

Tujuan-tujuan Yayasan itu ialah :

- (a) Untuk mengekalkan nama baik Tun Abdul Razak;
- (b) Untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Tun Abdul Razak;
- (c) Untuk menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kaum dan manusia;
- (d) Untuk menggalakkan keamanan dan persefahaman di antara bangsa; dan
- (e) Untuk memperbaiki taraf pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Lembaga Pemegang Amanah memberi tiga jenis anugerah seperti berikut :

- (i) Anugerah Antarabangsa Tun Abdul Razak;
- (ii) Anugerah Kebangsaan Tun Abdul Razak; dan
- (iii) Anugerah Tun Abdul Razak kepada satu Pertubuhan.

Pada umumnya, sesuatu Anugerah akan diberikan kepada seseorang atau sesebuah pertubuhan yang terlibat dalam usaha dan khidmat yang merangkumi tujuan-tujuan Yayasan Tun Razak, iaitu jenis usaha dan khidmat dalam mana Allahyarham Tun telah membaktikan dirinya semasa hayatnya, istimewanya usaha dan khidmat bagi memperbaiki taraf hidup rakyat desa dan kota dengan memberikan kepada mereka kemudahan-kemudahan hidup yang sempurna, ganjaran yang berpatutan bagi tenaga mereka, kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan serta pendidikan yang baik, dan dengan demikian meninggikan taraf hidup mereka; juga usaha yang bertujuan memupuk harmoni di antara kaum dan persefahaman di antara manusia umumnya, dan usaha yang bertujuan memupuk persefahaman dan keamanan di antara bangsa.

The Foundation's objectives are as follows :

- (a) To perpetuate the good name of Tun Abdul Razak;
- (b) To achieve the aspirations and to perpetuate the good work of Tun Abdul Razak;
- (c) To inculcate and promote mutual understanding among races and mankind;
- (d) To promote peace and understanding among nations; and
- (e) To improve the standard of education in all fields and to uplift the standard of living of the people.

The Board of Trustees makes three categories of Awards as follows :

- (i) Tun Abdul Razak International Award;
- (ii) Tun Abdul Razak National Award; and
- (iii) Tun Abdul Razak Award to an Organization.

Generally, an award will be made to a person or organization engaged in work and service embracing the objectives of the Tun Razak Foundation, work and service of the kind to which the late Tun dedicated his whole life; in particular work and service to better the life of the poor in rural and urban areas by making available to them decent living conditions, a reasonable return for their labour, good medical and health and educational facilities, thus increasing their standard of living; also work intended to promote racial harmony and understanding among mankind generally, and work intended to promote understanding and peace among nations.



TUN ABDUL RAZAK

Dua patah kata yang melambangkan hayat dan jasa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein ialah: kesedaran dan keinsafan. Hakikat hidup beliau ialah keyakinannya bahawa khidmat dan bakti kepada bangsa dan negara mengatasi segala kepentingan dirinya.

Kerana berpegang teguh kepada keyakinan inilah maka beliau - yang pada dasarnya pendiam dan pemalu orangnya - menceburkan dirinya ke dalam kancah politik yang sentiasa bergelora dan bergolak. Beliau tidak suka memberi ucapan berapi-api, atau berlagak, ataupun berdrama. Mencapai tujuan yang dicita lebih bererti baginya dari melafazkan ucapan atau janji-janji yang menjadi modal kebanyakan tokoh politik lain.

Beliau orang yang mempunyai impian dan tujuan - impian mewujudkan sebuah negara dengan setiap umatnya menaruh perlindungan sempurna dan hidup yang bererti. Impian ini, dengan bantukan realismenya, menjadikan beliau arkitek Pembangunan Malaysia. Beliau menampung kuasa bukan untuk apa yang boleh diperoleh bagi dirinya, tetapi kerana kuasa itu membolehkannya berkhidmat kepada rakyat. Ini telah dibuktikan bila beliau diberikan kuasa penuh selepas 13 Mei 1969. Tun Abdul Razak telah menggunakan kuasa di tangannya untuk membawakan keamanan dan kestabilan, malah paling nyata sekali, beliau telah menggunakan kuasa itu untuk merombak pemerintahan secara diktator dan mewujudkan kembali pemerintahan berparlimen.

Tun Abdul Razak telah dilahirkan pada 11 Mac 1922, putera kepada Datuk Shahbandar Pahang dan selepas menerima asuhan datuknya di kampung, beliau telah menerima didikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar, kemudian di Raffles College, Singapura dan selepas perang di Lincoln's Inn di Britain. Dalam masa penjajahan tentera Jepun di Malaysia beliau telah mengambil bahagian dalam gerakan bawah tanah anti-Jepun dengan memegang jawatan Kapten di dalam Tentera Wataniah di Pahang.

Sekembalinya ke Malaya pada mulanya menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan dan kemudian Setiausaha Kerajaan negeri Pahang ketika berumur 28 tahun.

He cared. Two simple words that sum up the life and work of the late Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein. The key to his life is his belief that service came before self - the nation's needs before his own. It was this belief that plunged him - basically a quiet and shy man - into the hurly burly of politics. He had no time for demagoguery, flamboyance or drama. Achievement meant more to him than speeches and promises that are the normal currency of most politicians.

He was a man with a dream and a purpose - the dream of a nation, with a place and a meaningful life for all its people. That dream tempered with realism made him the architect of Malaysia's Development. He sought power not for what it would bring him but for what it would enable him to do for his people. He showed this when he was given dictatorial powers after 13 May 1969. He used those powers to bring peace and stability but most striking of all he used those powers to dismantle the dictatorship and bring back Parliamentary Government.

Tun Abdul Razak was born on 11 March 1922, the son of the Datuk Shahbandar of Pahang and after a typical kampung upbringing by his grandfather was educated at the Malay College in Kuala Kangsar and later at Raffles' College in Singapore and after the war at Lincoln's Inn in Britain. During the Japanese occupation of Malaya he took part in the anti-Japanese resistance as a Captain in the Wataniah in Pahang.

Back in Malaya he became, first, Assistant State Secretary and then State Secretary of Pahang at the age of 28.

Pada waktu yang sama beliau mendapati dirinya terlibat di dalam UMNO, pada mulanya sebagai pemimpin Pemuda UMNO dan kemudian sebagai Timbalan Presidennya dalam tahun 1951, satu jawatan yang dipegangnya sehinggalah beliau mengambil alih dari YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Presiden dalam tahun 1969.

Riwayat hidup Tun Abdul Razak menunjukkan bahawa meskipun beliau tidak suka pada unsur-unsur dramatik, tetapi kejayaan-kejayaan yang telah dicapainya begitu dramatik pula. Sumbangannya kepada pembangunan negara ini masih belum boleh diukur sepenuhnya.

Rancangan Pembangunan Luar Bandar dalam Buku Merah beliau yang dalam tahun 1960 telah menggerakkan rakyat dan negara ini ke arah mencapai kemajuan. Dengan perjuangan pembangunan inilah nama Tun Abdul Razak terjalin erat dan bagi setiap peringkat pembangunan yang tercapai beliau telah membuktikan originalitinya dengan membawa pembaharuan dalam mengendalikan pentadbiran dan perlaksanaannya sehingga mendapat pujian di peringkat antarabangsa.

Siapakah yang boleh melupakan pentadbiran secara Bilik Gerakannya atau Dasar Ekonomi Baru? Berapa orang pemimpin politik boleh mengaku telah berjaya menyaksikan sendiri pelaksanaan dari rancangan dan dasar-dasarnya? Tun Abdul Razak boleh membuat pengakuan ini. Penduduk di kampung yang paling terpencil sekalipun telah pernah menemui Tun dan menceritakan kepadanya tentang masalah-masalah dan keperluan-keperluannya. Demikianlah ketokohan Tun Abdul Razak - beliau orang yang sentiasa bertindak dan seterusnya memperkukuhkan pula hasil tindakannya.

Mungkin beliau tidak sehebat tokoh-tokoh revolusi lain di dunia, tetapi tidak boleh dinafikan beliau telah memulakan satu revolusi dalam nilai-nilai sosial dan taraf hidup serta mencapai hasrat rakyat dan negara ini tanpa trauma atau tumpah darah.

At the same time he found himself involved in UMNO first as leader of UMNO Youth and then as Deputy President in 1951, a post he was to hold until he took over as President from YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj in 1969.

Tun Abdul Razak's record shows that despite his dislike for the dramatic, his achievements were dramatic. His contributions to the nation's growth cannot yet be assessed fully. But this we can say. He has sought always to ensure that every gain was made permanent.

It was his report on Education that laid the foundation for the explosion of education that has become a feature of Malaysian life. It was his Rural Development Red Book Plan of 1960 that moved the nation and its people in their successful cooperative endeavour to progress. It is with development that Tun Razak has been most closely identified, and at each stage of development he has shown an originality and innovativeness to problems of administration and implementation that have won international acclaim.

Who will ever forget the Operations Room approach or the New Economic Policy? How many political leaders could claim to have seen personally and on the spot the implementation of his proposals and policies? Tun Abdul Razak can. Even the remotest kampung dweller had been able to meet the Tun and tell him of this problems and his needs. That is the measure of the man - a doer and consolidator.

He may not have been spectacular enough to be classified as among the great revolutionary leaders but we cannot doubt that he has initiated a revolution in social values, living standards and national fulfilment without trauma or bloodshed.



TUN HAJJAH RAHAH

Beliau pendiam orangnya, tidak pernah menonjolkan diri, tetapi mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Demikian Tun Hajjah Rahah bt Tan Sri Haji Mohd. Noah, isteri paling sempurna bagi Allahyarham Tun Abdul Razak semasa hayatnya.

Sebaik sahaja meninggalkan sekolah Convent of the Holy Infant Jesus di Johor Baharu, beliau telah berkahwin dengan Datuk Abdul Razak yang masih muda itu dalam tahun 1952. Pada ketika itu, seperti yang diakuinya sendiri, beliau hanya bersedia untuk menjadi seorang isteri dan ibu.

Adalah menjadi lambang kekukuhan semangatnya dan kasih sayangnya kepada Allahyarham Tun, maka beliau seterusnya juga menjadi teman seperjuangan di sisi Tun dalam hidupnya sebagai seorang tokoh negara dan dalam pada itu Tun Hajjah Rahah sendiri menjadi seorang tokoh pula.

Perkongsian hidup mereka telah dikurniakan lima orang putera: Datuk Mohd. Najib, Ahmad Johari, Mohd. Nizam, Mohd. Nazim dan Mohd. Nazir.

Sebagai seorang ibu, Tun Hajjah Rahahlah yang menanggung sebahagian besar dari tugas mengasuh dan mendidik putera-putera itu. Dan sebagai seorang isteri, Tun Hajjah Rahahlah yang menyediakan rumahtangga yang sempurna - sebuah taman hening dan damai untuk seorang tokoh yang tanggungjawabnya terhadap negara dan rakyat mendorongnya bekerja begitu bersungguh-sungguh.

Sebagai teman hidup Tun Abdul Razak, Tun Hajjah Rahah mengiringnya dalam lawatan-lawatan resminya, baik di dalam mahupun di luar negeri. Beliaulah juga yang turut meraikan pemimpin-pemimpin asing yang berkunjung ke rumah mereka.

Di samping itu beliau juga memainkan peranan yang aktif bila menjelang pilihanraya dengan berkempen dari rumah ke rumah selain memberi ucapan di perhimpunan-perhimpunan kaum wanita.

Quiet, unobstrusive but with a strength of her own, Tun Hajjah Rahah bt Tan Sri Haji Mohd. Noah was the perfect partner for the late Tun Abdul Razak.

Fresh from the Convent of the Holy Infant Jesus in Johor Bahru, she married the young Datuk Abdul Razak in 1952, prepared, as she has said, only for a career as a wife and mother. It is a measure of her character and of her love for the late Tun that she became in addition Tun's partner in his public life and a public figure in her own right.

Their marriage was blessed with five sons: Datuk Mohd. Najib, Ahmad Johari, Mohd. Nizam, Mohd. Nazim and Mohd. Nazir.

As a mother, Tun Hajjah Rahah bore the major burden of the upbringing of their sons. And as a wife it was her task to create a home - an oasis of peace and tranquility for a man whose care for the nation and its people drove him to work so hard.

As his partner she accompanied him in his official tours, at home and abroad, and entertained foreign leaders in their home.

She has also played an active part in the elections, campaigning from house to house and addressing groups of women.

Sebagai seorang tokoh wanita, beliau bukan sahaja membuktikan betapa kaum wanita boleh memberikan sumbangan yang berkesan dalam pembangunan negara, tetapi beliau juga melibatkan diri serta menggalakkan kegiatan kaum wanita di segenap peringkat dan dalam berbagai lapangan hidup.

Tun Hajjah Rahah telah menjadi Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Tabung Pembinaan Pergerakan Wanita UMNO, Bahagian Kuala Lumpur dan Pengerusi Restoran Rakyat.

Beliau juga menaungi serta mengambil berat tentang kegiatan pertubuhan-pertubuhan wanita di samping menggalakkan berbagai kegiatan kebudayaan, sosial dan politik di kalangan kaum wanita.

Seperti Allahyarham suaminya, Tun Hajjah Rahah telahpun membuktikan dan terus membuktikan betapa beliau mengambil berat dan menaruh keinsafan terhadap nasib manusia sejagat.

In her own right she has contributed not only by showing women that they have a role to play in nation-building by her own example but also by actively participating and encouraging women's activities at all levels and on varying matters.

Tun Hajjah Rahah was President of the Girl Guides Association of Malaysia, Chairman of the Building Fund Committee of the Pergerakan Wanita UMNO, Kuala Lumpur Division, and Chairman of Restoran Rakyat.

She has also extended her patronage to women's organisations and took a keen interest in their activities, in addition to encouraging in various ways cultural, social and political activities, especially among women.

Like her late husband, Tun Hajjah Rahah has shown and continues to show that she cares for her fellow human beings.

ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK

THE TUN ABDUL RAZAK AWARD

Anugerah Tun Abdul Razak mengandungi sebuah Pingat Emas dengan ukiran timbul rupa wajah Tun Abdul Razak, sekeping Sijil yang merakamkan kejayaan dan pencapaian Penerima Anugerah serta hadiah wang berjumlah \$30,000. Pingat dan Sijil diletakkan di dalam sebuah kotak kayu yang berhias logo.

The Tun Abdul Razak Award consists of a Gold Medal bearing the likeness of Tun Abdul Razak, a Certificate recording the Awardee's achievements and a grant of \$30,000. The Medal and Certificate are placed in a wooden box bearing a carved logo.

LOGO

Logo ini tertulis dengan tulisan khat dengan kata-kata ANUGERAH YAYASAN TUN ABDUL RAZAK. Ia ditulis dengan gaya Thuluth dan telah dicipta oleh Encik Mohammed Yusof bin Abu Bakar, salah seorang penulis seni khat yang terulung di Malaysia. Logo ini digunakan pada Sijil dan menghiasi kotak serta kulit buku Upacara Penyampaian Anugerah ini.

THE LOGO

The logo is written in Arabic calligraphy with the words ANUGERAH YAYASAN TUN ABDUL RAZAK (Tun Abdul Razak Foundation Award). It is written in the style of Thuluth and is created by one of Malaysia's finest calligraphers, Encik Mohammed Yusof bin Abu Bakar. This logo appears on the Certificate and decorates the box and the cover of this Presentation Ceremony book.



PINGAT

Pingat ini diperbuat dari pewter dan diliputi emas, berukuran metric 76 mm (3 inci) diameter dan 10 mm ($\frac{3}{8}$ inci) tebal. Pada sebelah depannya Pingat ini mengandungi ukiran timbul rupa wajah Tun Abdul Razak dan ke sebelah kanan imej itu dirakamkan tahun-tahun kelahiran dan kematian Allahyarham - 1922-1976. Pada sekeliling tepinya ialah kata-kata ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK dengan ukiran timbul.

Pada sebelah belakang Pingat ini dihiasi ukiran garis yang berupa pohon getah dan kelapa sawit, melambangkan dua daripada hasil ekonomi yang utama di Malaysia. Nama penerima dan tarikh penyampaian Anugerah diukir garis pada sebelah ini juga dan di bawah sekali diukir timbul perkataan MALAYSIA.

Pingat ini asalnya direka oleh seorang pereka tempatan, Encik John Lim dan seterusnya dipinda sedikit oleh para pereka dari Muzium Negara, Encik Lim Tong Juan, Cik Maimunah Mohd. Said, Encik Zulkifli bin Maulana, Raja Azaham bin Raja Adnan dan Cik Janet Tee Siew Moi.

Pingat ini diperbuat oleh Selangor Pewter.

THE MEDAL

The Medal is cast in pewter and coated with gold, measuring metric 76 mm (3 inches) in diameter and metric 10 mm ($\frac{3}{8}$ inches) thick. On one side the Medal bears an embossed likeness of Tun Abdul Razak and to the right of this image are recorded the years of his birth and death - 1922-1976. The edge is embossed with the words ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK (Tun Abdul Razak Award).

The other side of the Medal is decorated with engravings of oil palm and rubber trees, symbolising two of Malaysia's principal economic products. The name of the Awardee and the date of presentation of the Award are engraved on this side and at the bottom is embossed the word MALAYSIA.

This Medal was originally designed by a Malaysian artist, Encik John Lim and subsequently amended slightly by designers from the National Museum, Encik Lim Tong Juan, Cik Maimunah Mohd. Said, Encik Zulkifli bin Maulana, Raja Azaham bin Raja Adnan and Cik Janet Tee Siew Moi.

The Medal has been cast by Selangor Pewter.



SIJIL

Sijil ini ialah dari kertas 'goatskin' berukuran metrik 254 mm x 356 mm (10 x 14 inci). Pada sebelah atas sekali ialah gambar wajah Tun Abdul Razak. Pada sepanjang tepi sebelah kiri terhias dengan pucuk rebung, suatu corak Melayu tradisional, dengan perada emas yang tepinya beralis hitam. Pucuk rebung ini berjumlah 13 semua sekali, melambangkan 13 negeri di Malaysia.

Setiap Sijil ditulis dengan nama Penerima Anugerah dan kejayaan serta pencapaiannya, serta juga sebab-sebab seseorang itu diberikan Anugerah ini. Sijil ini dimeterai dan ditandatangani di penjuru kiri bawah oleh Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Tun Razak. Pada penjuru kanan bawah pula ialah logo yang tercetak dengan perada emas.

THE CERTIFICATE


The Certificate is of goatskin paper, measuring metric 254 mm x 356 mm (10 x 14 inches). At the top of the Certificate is a portrait of Tun Abdul Razak. Along the left margin is a decoration of 'pucuk rebung' (bamboo-shoots), a traditional Malay design, done in gold and edged in black. The 'pucuk rebung' number 13 points altogether, symbolising the 13 states of Malaysia.

Each Certificate is inscribed individually with the Awardee's name and achievements and the reasons for which he is granted the Award. It is sealed and signed on the lower left hand corner by the Chairman, Board of Trustees, Tun Razak Foundation. On the lower right hand corner is the logo, imprinted in gold.



Sijil ini digulung dimasukkan ke dalam sebuah lengkang bulat berukuran metrik 44 mm (1 3/4 inci) lebar dan 38 mm (1 1/2 inci) diameter, dengan hiasan pucuk rebung yang sama. Lengkan ini diperbuat dari perak dan diliputi emas, ciptaan tukang-tukang perak Melayu di Taba, Selayang Baru.

The Certificate is rolled and held in a round holder, measuring metric 44 mm (1 3/4 inches) wide and 38 mm (1 1/2 inches) in diameter, with an embossed decoration of the same 'pucuk rebung' design. This holder is made of silver and coated in gold, created by Malay craftsmen of Taba in Selayang Baru.



KOTAK

Pingat dan Sijil yang tergulung di dalam lenggangnya diletakkan di dalam sebuah kotak yang terukir dari sejenis kayu Malaysia, iaitu cengal, berukuran metrik 319 mm x 203 mm x 51 mm (12 1/2 x 8 x 2 inci). Tudung kotak ini terhias dengan ukiran timbul logo seni khat dan di bahagian dalamnya dilapiskan dengan kain baldu warna merah pulasan.

Kotak ini telah dibuat oleh Syarikat TABA, mencontohi ukiran asal oleh Wan Mustaffa bin Wan Su dari Terengganu.

THE BOX

Both the Medal and Certificate in its holder are placed in a box carved of a Malaysian wood, kayu cengal, and it measures metric 319 mm x 203 mm x 51 mm (12 1/2 x 8 x 2 inches). The cover of the box is decorated with a carving of the calligraphic logo and the inside is lined with dark red velvet.

This box was made by Syarikat TABA, duplicating the original carving by Wan Mustaffa bin Wan Su of Terengganu.



UPACARA PENYAMPAIAN ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK

ATURCARA

- | | |
|------------|--|
| 7.45 malam | Ketibaan Para Jemputan. |
| 8.00 malam | Perarakan dimulakan. |
| 8.10 malam | Ucapan Y.A.B. Tun Mohamed Suffian, Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak. |
| 8.15 malam | <ol style="list-style-type: none">1. Penyampaian ucapan penganugerahan bagi Y.B. Dato'
Shahrum b. Yub oleh Y.B. Datuk Amar Hj. Bujang Mohd. Nor.

Penyampaian Anugerah Tun Abdul Razak oleh Y.A.B.
Tun Hajjah Rahah.2. Penyampaian ucapan penganugerahan bagi Profesor
Umapati Prasad oleh Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali.

Penyampaian Anugerah Tun Abdul Razak oleh Y.A.B.
Tun Hajjah Rahah. <p>Ucapan balas oleh Penerima Anugerah</p> <ol style="list-style-type: none">1. Y.B. Dato' Shahrum b.Yub2. Profesor Umapati Prasad |
| 9.00 malam | Pengerusi, Penerima-Penerima Anugerah dan para tamu memasuki
ke Dewan Makan di Nirwana Ballroom. |


PRESENTATION CEREMONY OF TUN ABDUL RAZAK AWARD

PROGRAMME

- | | |
|---------|---|
| 7.45 pm | Arrival of guests. |
| 8.00 pm | Procession begins. |
| 8.10 pm | Remarks by Y.A.B .Tun Mohamed Suffian,
Chairman, Board of Trustees Tun Razak Foundation. |
| 8.15 pm | <ol style="list-style-type: none">1. Reading of citation for Awardee Y.B. Dato' Shahrum b. Yub by
Y.B. Datuk Amar Hj. Bujang Mohd. Nor.

Presentation of Tun Abdul Razak Award by Y.A.B.
Tun Hajjah Rahah.2. Reading of citation for Awardee Professor Umapati Prasad by
Y.B.Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali.

Presentation of Tun Abdul Razak Award by Y.A.B .
Tun Hajjah Rahah. <p>Responses by Awardees</p> <ol style="list-style-type: none">1. Y.B. Dato' Shahrum b. Yub.2. Professor Umapati Prasad. |
| 9.00 pm | Chairman, Awardees and guests proceed to dinner in the
Nirwana Ballroom. |



**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK**

**AWARDEES
OF
TUN ABDUL RAZAK AWARD**



DATO' SHAHRUM BIN YUB

Shahrum b Yub lahir di Tanjong Malim, di Perak Selatan, pada tahun 1934. Beliau mengalami kesukaran belajar yang biasa berlaku pada zaman pemerintahan Jepun. Selepas Jepun menyerah kalah beliau belajar di Sekolah Anderson (Menengah) Ipoh sehingga tamat pada 1953 dengan mendapat Gred 1 dalam peperiksaan Sijil Persekolahan.

Beliau berjaya mendapat biasiswa kerajaan Negeri Perak melanjutkan pelajaran ke sebuah Universiti Inggeris, Leeds University, untuk mengikuti bidang pengajian antropologi dan berjaya memperolehi Ijazah Kepujian Gred 1 (B.A) pada 1960. Seterusnya beliau menyertai kursus bidang museologi di Muzium British dan dianugerahkan Diploma.

Ketika belajar di sinilah Dato' Shahrum ditemuramah oleh Tan Sri Mubin Sheppard yang ketika itu bertugas sebagai ketua muzium-muzium. Beliau dilantik sebagai Kurator Muzium Negara pada 1962 dan menyandang jawatan Pengarah pada 1966.

Khidmatnya di Muzium Negara berjalan terus dan pada 1972 beliau dilantik menjadi Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terhadap semua muzium di Malaysia.

Shahrum telah menumpukan hidup dan tenaganya di bidang kerjaya muzium, terutama Muzium Negara selama lebih 20 tahun. Tetapi beliau bukanlah pula sebuah antik lama di muzium itu, atau pun berfahaman cara lama. Sebaliknya, beliau adalah seorang yang kaya dengan ilham dan pandangan maju.

Ilham dan tenaga beliau telah berjaya membawa perubahan dan kemajuan yang sungguh luar biasa. Orang ramai boleh melihatnya dengan melawat Muzium Negara. Kemajuan ini jelas dihargai dengan bertambah ramainya pelawat yang datang, terdiri daripada semua lapisan masyarakat, baik dari Malaysia mahupun luar negeri.

Shahrum b Yub was born in Tanjong Malim, South Perak in 1934. He suffered the usual educational hazards of the Japanese occupation. After the Japanese surrender he entered the Anderson (Secondary) School in Ipoh, where he passed his School Certificate with Grade One in 1953 and he was awarded a Perak State Scholarship to study at an English University. He was admitted to Leeds University where he specialised in anthropology and obtained a Grade One Honours Degree (B.A.) in 1960. He attended a course in Museology at the British Museum and was awarded a Diploma.

While a student he was interviewed in England by Tan Sri Mubin Sheppard who was then in charge of museums. In 1962 he was appointed Curator at the National Museum and in 1966 he was promoted Director.

His service in the National Museum has been unbroken, and in 1972 he was appointed Director General, taking over responsibility for all museums in Malaysia.

For more than twenty years Shahrum has devoted his life and energies to a career in the Museums Department, especially the National Museum, but he is no museum piece himself, an absurdly antiquated person : he is a man modern ideas and visions, full of imagination and drive and has brought about outstanding improvements to the services which the public can obtain by visiting the National Museum, and these improvements have been rewarded by a steady and spectacular increase in the number of visitors to the National Museum, drawn from all communities, both Malaysian and foreign.

Kunjungan orang ramai ke Muzium Negara semakin bertambah dari tahun ke tahun. Ketika Shahrum mula-mula dilantik menjadi Pengarah, jumlah pelawat bagi tahun 1967 cuma 3,700,000 orang. Pada 1978 bertambah hingga 32 juta dan pada 1987 bertambah lagi ke 54 juta orang.

Allahyarham Tun Abdul Razak menumpukan hidupnya untuk faedah rakyat Malaysia dengan memberikan perhatian lebih kepada kalangan mereka yang miskin.

Dato' Shahrum mengikuti jejak Allahyarham melalui bidangnya yang tersendiri - Muzium Negara - dan hasil inisiatif dan usahanya yang tidak pernah jemu itu berjaya memberi peluang kepada orang ramai di seluruh negara menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai perkara. Allahyarham Tun Abdul Razak terlalu ingin menyediakan pendidikan untuk rakyat umumnya, tetapi Dato' Shahrum telah meluaskan perkhidmatan itu agar dikecapi beribu-ribu rakyat Malaysia dari segenap lapisan, tua dan muda.

Dengan berbuat demikian beliau berjaya menyatu padukan mereka dengan lebih sempurna lagi. Lawatan ke Muzium Negara akan memperlihatkan kepada rakyat Malaysia dari semua bangsa dan peringkat umur akan sejarah, hasil ekonomi, sejarah alam semula jadi, kebudayaan, kraf tangan, sukan, kehidupan liar dan antropologi Malaysia.

Bahan-bahan pelajaran yang banyak ini diperlihatkan oleh Shahrum dan kakitangannya dalam bentuk dan gaya yang memikat hati golongan muda dan tua.

Sumbangan besar Shahrum untuk terus menerapkan pengetahuan umum ialah dengan memperbanyakkan pameran mengenai beberapa perkara di Dewan Besar Muzium Negara.

Kebanyakan muzium terbaik dunia mempunyai bangunan yang luas dan lapang. Benda-benda yang dipamerkan juga separuh kekal dan dipamerkan di galeri-galeri berasingan.

Attendance by members of the public at the National Museum has increased steadily, year by year. When Shahrum was first appointed Director the total attendance for the year 1967 was only 3,700,000. In 1978 it increased to 32 million and in 1987 to 54 million.

The late Tun Abdul Razak devoted his life to the benefit of the Malaysian public, with special interest in those of the poorer class.

Dato' Shahrum has emulated this example in his particular field - the National Museum - and has, as a result of his personal initiative and untiring efforts, provided the general public, from all over the nation, with a continuing opportunity to acquire knowledge on a great variety of subjects. Tun Abdul Razak was so anxious to provide education to the public at large, but Dato' Shahrum has extended the educational service to reach thousands of Malaysians, both young and old, at every level, and in so doing has brought the peoples of this country closer together. A visit to the National Museum will show Malaysians of all communities and of all ages, the history, natural history, economic products, culture, crafts, sport, wild life and anthropology of Malaysia. This wealth of educational material has been displayed by Shahrum and his staff in a manner which attracts both young and old.

Shahrum's great contribution to continuing general education is by mounting special exhibitions on various subjects in the Central Hall of the National Museum.

In most of the finest museums in the world the buildings are large and spacious and the displays are semi-permanent, in different galleries.

Muzium Negara di Kuala Lumpur dibina atas arahan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, bekas Perdana Menteri Malaysia, menggantikan Muzium Selangor yang dibina di tapak yang sama pada 1906 tetapi binasa akibat letupan dua butir bom yang tersalah gugur oleh juruterbang Amerika pada Mac 1945. Bom tersebut ialah untuk digugurkan ke atas tempat simpanan keretapi berhampiran Muzium itu.

Tapak muzium yang hangus itu terbiar sejak 1945 hingga 1959. Setelah pelannya disediakan dan pembinaanya disambung dan bahan-bahan pameran diatur maka Muzium Negara dirasmikan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Agong pada 31hb Ogos 1963. Ia dibuka kepada orang ramai pagi esoknya. Sejak itu ia terus menyumbangkan maklumat mengenai beberapa perkara dengan pameran-pameran yang menarik.

Kakitangan pada 1963 terdiri daripada seorang Pengarah, seorang Kurator dan sebilangan kecil pembantu separuh mahir.

Berbeza dengan hari ini, Muzium Negara dikendalikan oleh Ketua Pengarah, tujuh orang Kurator dan ramai pembantu yang mahir.

Tajuk bagi satu-satu pameran khas dipilih sendiri oleh Shahrum manakala penyelidikan awal hingga akhir diketuainya juga. Cogankata kegemarannya ialah "Tiada perkara yang mustahil" dan dia bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan yang sebaik mungkin.

Sebaik saja sesuatu Pameran Khas selesai dengan jayanya, Dato' Shahrum mula berusaha untuk pameran lain pula.

The National Museum in Kuala Lumpur was built on the direction of Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, the Prime Minister of Malaysia, to replace the Selangor Museum which was built on the same site in 1906, and was destroyed by two misdirected salvoes of bombs dropped by American airmen in March 1945 ; the bombs were intended to demolish the adjoining Railway marshalling yard.

From 1945 until 1959 the blackened site remained vacant. Plans were then prepared, construction continued, displays were mounted, and the National Museum was officially opened by the Yang di Pertuan Agong on 31 August 1963. It was opened to the public on the following morning and has continued to provide a variety of information on many different subjects by means of colourful displays, ever since.

In 1963 the staff consisted of one Director, one Curator and a small group of partially qualified assistants.

In contrast, today the National Museum is staffed by a Director General, seven Curators and many well qualified assistants.

The subject for each Special Exhibition was selected by Shahrum and the initial research and the extensive follow-up is headed by him. His favourite motto is "Nothing is Impossible" and he works with unflagging energy and initiative to achieve the best possible results.

As soon as one Special Exhibition is successfully mounted Dato' Shahrum begins to work on the next.

Beliau begitu bijak mendapatkan derma daripada pertubuhan-pertubuhan yang meminati usahanya dan ingin membantu. Jikalau beliau mengharapkan peruntukan belanja dari sumber-sumber rasmi, segala rancangannya dan cara menarik untuk mengadakan pameran bermutu tidak mungkin tercapai. Teladan yang ditunjukkannya menyerap kepada kakitangannya, baik yang lama mahupun yang baru. Mereka bekerja dengan ketekunan yang amat sukar dijumpai di cawangan-cawangan kerajaan yang lain.

Dua matlamat utama Yayasan Tun Razak ialah menanam serta mewujudkan fahaman erat antara kaum dan manusia sejagat bagi meningkatkan pendidikan dalam semua bidang serta juga meningkatkan taraf hidup rakyat.

Matlamat ini sungguh besar dan hanya segelintir rakyat Malaysia boleh mendakwa dapat melaksanakannya.

Tetapi Dato' Shahrudin telah banyak berusaha mencapai kedua-duanya. Persefahaman antara satu sama lain, sebahagiannya berjaya diwujudkan melalui pengetahuan yang telah disampaikannya dalam banyak cabang agar rakyat berbilang kaum di Malaysia, tua dan muda, dapat merasapinya secara tidak sedar.

Pengetahuan mengenai jiran tetangga, rakyat Malaysia di negeri-negeri lain dalam negara kita, tentang adat istiadat, pakaian dan kegemaran mereka serta sejarah, hasil ekonomi, dan sejarah alam semula jadi tanahair kita, telah dapat disampaikan kepada umum.

Susunan mata pelajaran yang diberi di sekolah-sekolah paling terbaik sekali pun di Malaysia serta maktab-maktabnya tidak menampung banyak perkara atau maklumat seperti yang dipamerkan dengan cara yang begitu menarik di Muzium Negara.

He has acquired a genius for attracting funds from organisations which admire his work and wish to support : if he had to depend on financial provision from official sources his original plans and the highly attractive form in which each exhibition is mounted could never have been achieved.

His example is infectious and his staff both senior and junior follow his example and work with a degree of dedication which is now difficult to see in other branches of the Government.

Two of the principal objects of the Tun Abdul Razak Foundation are to inculcate and promote mutual understanding among the races and mankind, to improve the standard of education in all fields and to uplift the standard of living of the people.

These are mammoth objectives, and very few individual Malaysians can claim to have achieved them.

But Dato' Shahrudin has done much to contribute to both.

Mutual understanding has been promoted partly by the knowledge which he has provided in so many spheres, so that Malaysians of all communities and of all ages can absorb, almost unconsciously, knowledge about their neighbours, their fellow Malaysians in other parts of the nation, and of their customs, costumes, pastimes and of the history, economic products and natural history of the country.

The standard of education which is provided in even the best of Malaysian schools and colleges does not include many of the subjects or the information which is so attractively displayed in various parts of the National Museum.

Pada musim cuti sekolah, berpuluh bas memenuhi ruang letak kereta hingga ke tepi jalan besar depan Muzium membawa murid-murid melawat Muzium. Mereka tidak mungkin melawat kiranya apa yang dipamerkan tidak menarik minat dan tidak mempunyai kepentingan pelajaran.

Bekalan pelajaran ini juga dilanjutkan penyampaian ke kawasan desa menerusi Koc Bergerak berisi bahan-bahan pertunjukan tertentu. Koc Bergerak ini disertai seorang pegawai muzium bagi membantu menyampaikan maklumat tambahan kepada penonton desa yang menyambut baik cara meluaskan ilmu pengetahuan mereka dengan cara yang luar biasa ini. Semua ini diilhamkan oleh Dato' Shahrum.

Sumbangan Dato' Shahrum sesungguhnya tiada taranya di Malaysia. Beliau tidak sombong, apabila bercakap suaranya lembut dan penuh hormat. Tetapi beliau 'kaki bekerja'. Baginya, hari-hari dan minggu-minggu yang dilalui adalah terlalu suntuk untuk tugas yang telah ditetapkannya bertahun-tahun dulu - tugas mewujudkan sebuah Muzium Negara yang akan berkhidmat dan memberi manfaat kepada orang ramai di Kuala Lumpur di samping mengharumkan nama baik Malaysia di kalangan pelawat-pelawat luar negeri yang beranggapan bahawa lawatan ke Muzium Negara adalah perkara 'Mesti'.


Maka Yayasan Tun Razak dengan penuh rasa bangga memberikan Anugerah Kebangsaan bagi tahun 1989 kepada Dato' Shahrum b Yub.

During school holidays, dozens of large coaches drive up to the National Museum, filling its car park and spreading along the sides of the main road, bringing eager pupils from outlying schools to visit the Museum : this they would not do if the displays were not of exceptional interest and of more than average educational importance.

The provision of education is also extended to remote rural areas through the Mobile Coach containing specific displays, accompanied by a museum official who helps to provide additional information to rural audiences, who welcome this rare means of increasing their general knowledge. This was initiated by Dato' Shahrum.

The contribution made by Dato' Shahrum is unique in Malaysia : he is unassuming, soft spoken, ever courteous but a 'workaholic' whose days and weeks are too short for the task which he set himself many years ago - the task of creating a National Museum in Kuala Lumpur which would serve and benefit the general public, and enhance the good name of Malaysia among the many visitors from overseas to whom a visit to the National Museum is a "Must".

The Tun Razak Foundation is honoured to confer on him the National Award for 1989.



PROFESOR UMAPATI PRASAD

Profesor Prasad lahir di Bihar, India, pada 7 Januari 1934. Selepas tamat sekolah pada September 1952, beliau belajar di Fakulti Perubatan, Maktab Perubatan Darbhanga, Bihar sehingga berjaya mendapat ijazah MBBS pada 1957.

Pada tahun 1962 beliau menyambung pengajian lanjutan di bidang perubatan di Universiti Edinburgh dan pada tahun 1964 diterima menjadi anggota Maktab Jurubedah Diraja (Fellow of the Royal College of Surgeons).

Pada tahun 1978 beliau diterima pula menjadi anggota Maktab Jurubedah Antarabangsa (Fellow of the International College of Surgeons). Pada Disember 1982 beliau dilantik menjadi Profesor manakala pada 1985 diterima menjadi Anggota Maktab Jurubedah Amerika (Fellow of the American College of Surgeons).

Sebelum berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Perubatan Universiti Malaya, beliau telah berkhidmat sebagai doktor bedah di beberapa buah hospital di India di samping menjadi pakar penyakit telinga, hidung dan tekak. Beliau pernah juga berkhidmat di hospital-hospital England selama dua tahun.

Allahyarham Tun Abdul Razak, dalam perkhidmatannya yang cemerlang mengambil berat memajukan kesihatan rakyat desa. Malah sebelum berkecimpung dalam politik dan masih menjadi kakitangan awam pun beliau telah bekerja keras mengadakan klinik, pusat rawatan perbidanan dan air minuman bersih di kampung-kampung.

Oleh itu sewajarnya salah seorang penerima Anugerah tahun ini diberi kepada Profesor Prasad, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa pengkhususan beliau ialah pengkajian dalam bidang penyakit barah yang telah menyebabkan kematian Allahyarham Tun Abdul Razak.

Professor Prasad was born in Bihar, India, on 7 January 1934. After school, in September 1952 he entered the Medical Faculty, Darbhanga Medical College, Bihar. In 1957 he won the MBBS degree. In 1962 he did his postgraduate medical studies at Edinburgh University where in 1964 he was made a Fellow of the Royal College of Surgeons. In 1978 he was made a Fellow of the International College of Surgeons. In December 1982 he was appointed Professor. In 1985 he was made a Fellow of the American College of Surgeons.

Before joining the University of Malaya as a lecturer in the Medical Faculty, he had worked as a surgeon in various hospitals in India, and as an Ear, Nose and Throat specialist. He had also worked for two years in hospitals in England.

Tun Abdul Razak in his distinguished public life was concerned to improve the health of the rural population. Even as a civil servant before he entered politics he worked hard to provide in small towns and kampungs rural clinics, midwife centres and clean drinking water.

It is therefore most fitting that one of this year's awards should be made to Professor Prasad especially as his speciality was research into cancer, the disease which caused Tun Abdul Razak's death.

Pengkhususan Profesor Prasad ialah pengkajian terhadap penyakit-penyakit Neoplastik, terutama sekali yang berkaitan dengan Nasopharyngeal Carcinoma (NPC), barah hidung, salah satu penyakit barah paling umum menyerang penduduk Malaysia. Barah ini paling banyak dihidapi orang lelaki iaitu 2.5 hingga tiga kali ganda lebih banyak daripada pengidap wanita.

Tujuh puluh lima peratus (75%) daripada pengidapnya ialah dalam lingkungan umur 30-59 tahun, iaitu jangka masa paling subur dalam hidup seseorang. Purata, 75% pengidap penyakit NPC ini adalah dari keturunan Cina, 12.5% Melayu, 1.0% India manakala 11.5% lagi terdiri daripada kaum Kadazan, Iban dan Dayak di Malaysia Timur.

Di kalangan orang Cina, jumlah paling tinggi mengidapnya ialah keturunan Kantonis (37.5%) diikuti keturunan Hokkien (18.9%) dan Hakka (16.2%).

NPC adalah sejenis penyakit barah yang cepat merebak dan jika dibiarkan, kebanyakan pengidapnya akan mati dalam tempoh dua hingga tiga tahun. Tetapi kerana kebanyakan pengidap ketika mendapat rawatan awal pun telah mengidapnya lebih lama, hanya 50% sahaja yang hidup selepas tempoh tiga tahun.

Mereka yang boleh hidup lebih dari tiga tahun dapat hidup lama. Yang demikian amatlah penting bagi mereka yang mengidap penyakit NPC ini mendapatkan rawatan secepat mungkin agar mendapat faedah daripada rawatan radioterapi yang disediakan.

Profesor Prasad memulakan kajiannya pada 1969 ketika masih menjadi pensyarah di Jabatan Telinga, Hidung dan Tekak di Fakulti Perubatan.

Tugasnya itu sudah berjalan 20 tahun, bermula dengan penemuan bahawa kira-kira 75% pengidap NPC kehilangan masa amat berharga kerana dihantar ke jabatan-jabatan perubatan yang salah untuk mendapatkan rawatan.

Professor Prasad's speciality was research into Neoplastic diseases with special reference to Nasopharyngeal Carcinoma (NPC), nose cancer, one of the most common cancers affecting the people of Malaysia. It is the number one cancer affecting males; the incidence among males is 2.5 to 3 times more than among females. Seventy five per cent (75%) of the patients suffering from it belong to the age group 30 - 59, the most productive period of life. On the average, 75% of NPC patients were ethnic Chinese, 12.5% Malays, 1.0% Indians and the remaining 11.5% comprised Kadazans, Ibans and Dayaks from East Malaysia. Among the Chinese, the incidence was highest (37.5%) among Cantonese followed by Hokkien (18.9%) and Hakka (16.2%).

NPC is a rapidly growing cancer and if left untreated most patients will die within 2-3 years. But since most patients at the start of treatment already have the disease at an advanced stage only about 50% survive for 3 years. Those who survive for more than 3 years tend to live long. It is therefore extremely important that NPC patients should come early for test and diagnosis in order to benefit from available treatment which is primarily in the form of radiotherapy.

Professor Prasad began his research in 1969 when he was still a lecturer in the Medical Faculty's Ear, Nose and Throat Department.

His work has gone on for 20 years, starting with his discovery that about 75% of NPC patients lost precious time being channelled to the wrong medical departments for treatment.

Sejak 1970, Universiti Malaya, dengan usaha Profesor Prasad sendiri telah menjalankan pelbagai kajian terhadap NPC. Ia kemudian disertai sekumpulan ahli sains yang diketuai oleh Profesor Prasad dengan bantuan Institut Pengajian Tinggi dan kini di bawah Projek Kajian dan Pembangunan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN).

Hasil kajian itu dapatlah -

1. mengenali sel punca penyakit NPC;
2. menentukan tempat punca penyakit;
3. menentukan wujudnya penyakit itu di peringkat awal;
4. menetapkan peranan alat pengesan C.T. bagi mengesan NPC; dan
5. membantu pengesanan itu dengan ujian darah (IgA/VCA).

Pada mulanya dulu kebanyakan usaha kajian tersebut dijalankan tanpa sebarang bantuan wang dari luar. Profesor Prasad dalam diam-diam terus bekerja dan menulis dengan tekun dan bersungguh-sungguh kerana beliau tahu betapa pengidap-pengidap NPC itu perlu dibantu.

Bagaimanapun, lama kelamaan kejayaan penyelidikan tersebut mendapat perhatian dan pengakuan dunia antarabangsa oleh pakar-pakar dan penyelidik barah Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, United Kingdom, Sweden dan negara-negara lain.

Hasilnya, Universiti Malaya diberi bantuan kewangan oleh Yayasan-yayasan terkenal luar negeri untuk meneruskan penyelidikannya. Sebuah makmal ultramoden telah dibina di Universiti itu dan kerja-kerja menyelidik diteruskan di bawah arahan Profesor Prasad.

Maka Yayasan Tun Razak dengan sukacitanya menganugerahkan kepada Profesor Umapati Prasad, Anugerah Antarabangsa tahun 1989.

Since 1970 various research activities on NPC have been undertaken at the University of Malaya, initially by Professor Prasad alone, subsequently by a group of scientists led by him and supported by the Institute of Advanced Studies and now under the Research and Development Project of Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) - National Council of Scientific Research and Development. As a result of those studies it has been possible to -

1. establish the cell of origin of NPC;
2. determine the site of origin;
3. determine the existence of pre-NPC stage;
4. establish the role of C.T. scan in the diagnosis of NPC; and
5. support the diagnostic value of a blood test (IgA/VCA) in NPC.

At the beginning most of the work was done without any funding from outside; the Professor worked and wrote steadily, quietly and with dedication because he saw a need to help NPC patients. Since then the success of the research has received international recognition by distinguished cancer specialists and researchers in the USA, the Federal Republic of Germany, the United Kingdom, Sweden and other countries. As a result, the University of Malaya has been granted finance to continue cancer research by famous Foundations in foreign countries. An ultra-modern laboratory has been built at the University where research continues under his direction.

The Tun Razak Foundation is pleased to grant Professor Umapati Prasad the International Award for 1989.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN TUN RAZAK

1. Y.A.B. Tun Mohamed Suffian
2. Y.B. Tan Sri (Dr.) Fatimah bt. Hj. Hashim
3. Y.B. Jeneral (B) Tan Sri Datuk Hj. Abdul Hamid Bidin
4. Y.B. Professor Tan Sri Datuk (Dr.) Mohd. Rashdan Hj. Baba
5. Y.B. Datuk K. Karunakaran Nair
6. Y.B. Dato' Malek Ali Merican
7. Puan Azah Aziz
8. Y.B. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh
9. Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum
10. Y.B. Datuk Amar Hj. Bujang Mohd. Nor
11. Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali
12. Y.B. Dato' Cheong Kai Fu
13. Encik Cyrus V. Das
14. Encik Mohd. Ali b. Hassan
15. Encik Ooi Cheng Sooi

Pengerusi

Setiausaha / Bendahari

BOARD OF TRUSTEES TUN RAZAK FOUNDATION

1.	Y.A.B. Tun Mohamed Suffian	<i>Chairman</i>
2.	Y.B. Tan Sri (Dr.) Fatimah bt. Hj. Hashim	
3.	Y.B. General (Rtd.) Tan Sri Datuk Hj. Abdul Hamid Bidin	
4.	Y.B. Professor Tan Sri Datuk (Dr.) Mohd. Rashdan Hj. Baba	
5.	Y.B. Datuk K. Karunakaran Nair	
6.	Y.B. Dato' Malek Ali Merican	
7.	Puan Azah Aziz	
8.	Y.B. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh	
9.	Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum	
10.	Y.B. Datuk Amar Hj. Bujang Mohd. Nor	
11.	Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali	
12.	Y.B. Dato' Cheong Kai Fu	
13.	Encik Cyrus V. Das	
14.	Encik Mohd. Ali b. Hassan	
15.	Encik Ooi Cheng Sooi	<i>Secretary / Treasurer</i>

LEMBAGA YAYASAN JAWATANKUASA PENYAMPAIAN ANUGERAH TUN ABDUL RAZAK

1. Y.B. Jeneral (B) Tan Sri Datuk Abdul Hamid Bidin *Pengerusi*
2. Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali
3. Y.B. Datuk K. Karunakaran Nair
4. Puan Azah Aziz
5. Encik Endot b. Yusof
6. Cik Nurseha Mahmud
7. Encik Ooi Cheng Sooi *Setiausaha*

TUN ABDUL RAZAK AWARD PRESENTATION COMMITTEE

1. Y.B. General (Rtd.) Tan Sri Datuk Abdul Hamid Bidin *Chairman*
2. Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Ibrahim b. Ali
3. Y.B. Datuk K. Karunakaran Nair
4. Puan Azah Aziz
5. Encik Endot b. Yusof
6. Cik Nurseha Mahmud
7. Encik Ooi Cheng Sooi *Secretary*

URUSETIA

1. Encik Ooi Cheng Sooi
2. Cik Nurseha bt. Mahmud
3. Encik Teh Hien Tuck

1. Encik Ooi Cheng Sooi
2. Cik Nurseha bt. Mahmud
3. Encik Teh Hien Tuck

PENGHARGAAN

1. Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
2. Kementerian Penerangan
3. Universiti Malaya
4. Cawangan Trafik Polis, Kuala Lumpur

Semua yang berkenaan secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan upacara ini.

ACKNOWLEDGEMENT

1. Treasury, Ministry of Finance
2. Ministry of Information
3. University of Malaya
4. Police Traffic Branch, Kuala Lumpur

All those who have directly or indirectly contributed to the success of this presentation programme.

ACKNOWLEDGEMENT

1. Treasury Ministry of Finance
2. Ministry of Information
3. Ministry of Malay
4. Police Traffic Branch, Kuala Lumpur

All those who have directly or indirectly contributed to the success of this publication
are thanked.

